

BAB 2

MIGRASI

2.1 Definisi migrasi.

Secara amnya, migrasi adalah perubahan atau perpindahan tempat tinggal dari satu kawasan ke kawasan yang lain (International Encyclopedia Of the Social Sciences, 1972, vol. 9). Tetapi, apabila kita memperkatakan mengenai migrasi pekerja, perpindahan mereka bukan saja dari segi perubahan kawasan tetapi juga dari segi cara hidup mereka (The Social Science Encyclopedia, 1985). Russell King, 1996 pula mendefinisikan migrasi pekerja adalah sebagai menfokus terhadap pertama, pengambilan pekerja asing yang tertentu oleh yang mempunyai kuasa samada kerajaan ataupun majikan dan keduanya, menfokus terhadap kehendak individu itu sendiri untuk berhijrah mencari pekerjaan di luar negara. Definisi pekerja asing di dalam kajian ini boleh juga dikaitkan dengan definisi yang dipetik dari buku yang disunting oleh Paul White dan Robert Woods, 1980, yang menyentuh mengenai penaburan semula bukan saja dari segi populasi tetapi dari segi sosial, pekerjaan dan

kumpulan ugama dan juga pengubahan semula corak kepelbagaian faktor demografi. Mengikut Piore (1979), pekerja asing ini lebih senang menerima perubahan dari segi cara hidup, serta boleh menyesuaikan diri dengan keadaan di tempat baru.

Bagi pekerja asing antarabangsa, banyak faktor yang boleh menyumbangkan kepada migrasi manusia di antara negara. Kebanyakannya adalah di sebabkan oleh faktor ekonomi. Walaupun migrasi besar-besaran disebabkan oleh faktor konflik politik dan di antara ethnik, tetapi hubung-kaitnya dengan ekonomi masih kuat. Mengikut penyelidikan Ravenstein (1889), dalam “The Law of Migration”, beliau mendapati bahawa berbagai faktor boleh menyebabkan migrasi tetapi faktor ekonomi adalah lebih penting. Perbezaan pendapatan dan kebajikan yang besar antara golongan yang berada dan miskin adalah dilihat sebagai faktor terpenting berlakunya migrasi antarabangsa. Kemiskinan dan keadaan ekonomi yang tidak stabil bukan saja menyebabkan penduduk berhijrah tetapi juga berpotensi untuk berhijrah pada masa akan datang. Secara amnya, mengikut Piore (1979), motivasi untuk proses migrasi adalah disebabkan oleh perbezaan upah di antara negara penghantar dan

penerima. Tetapi perbezaan ini tidak mempengaruhi proses migrasi secara konvensional sepenuhnya.

Secara teorinya pula, migrasi pekerja selalu berlaku dari negara kurang maju kepada negara maju. Negara yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan mempunyai lebihan pekerja akan menghadapi migrasi-keluar kepada negara yang mempunyai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dan yang mengalami kekurangan pekerja. Fenomena ini di lihat secara positif oleh teori dan di anggap sebagai menguntungkan bagi kedua-dua pihak, iaitu negara yang menghantar dan negara yang menerima. Ini adalah kerana, teori ekonomi membuat andaian bahawa disebabkan oleh penghijrahan, upah naik di negara penghantar dan jatuh di negara yang menerima. Negara penerima akan mendapat tenaga kerja sebab pada asalnya pekerja dari negara yang mempunyai tenaga pekerja yang berlebihan akan berhijrah ke negara yang kaya, di mana tenaga kerja yang kurang. Manakala, upah akan meningkat di negara penghantar yang menyebabkan penggunaan pekerja atau tenaga kerja yang lebih cekap.

Migran ekonomi³ boleh dibezakan dari dua segi iaitu pertama, migrasi yang disebabkan oleh kesempitan dalam hidup, dan migrasi untuk memperbaiki pendapatan dan kebajikan hidup. Mereka ini berhijrah untuk melegakan kesempitan ekonomi, selalunya disebabkan oleh kemiskinan yang amat sangat dan penghijrahan mereka lebih kepada desakan kehidupan. Kebanyakan mereka dikategorikan sebagai pendatang tanpa izin kerana tiada kebenaran keluar-masuk.

Kategori yang satu lagi dalam migran ekonomi boleh disebutkan sebagai migran mudah bergerak untuk membaiki keadaan hidup, serta peka dengan keadaan pasaran buruh dan mempunyai pengetahuan sempurna mengenai upah di pasaran dan peluang pekerjaan yang ada di luar negara. Mereka ini lebih berhati-hati dan mengambil kira tentang kos dan keuntungan untuk berhijrah. Secara amnya, mereka mempunyai kebenaran bekerja dan permit mengikut saluran yang betul.

³ Ghosh,Bimal,"Migration, Trade and International Economic Cooperation: Do the inter-linkages work?," International Migration

2.2 Kriteria proses migrasi buruh.

Kriteria-kriteria yang di bawah merujuk kepada penulisan Piore (1979), dan beberapa perkara yang berikut telah disarankan:

- 1) Proses migrasi memberi maklumbalas kepada negara-negara industri. Pekerjaan yang mereka penuhi selalunya pekerjaan yang dipandang rendah oleh pekerja tempatan dan pekerjaan yang tidak memerlukan kemahiran.
 - 2) Pada permulaannya, mereka adalah pekerja sementara tetapi walau bagaimanapun, ada yang tidak pulang ataupun berulang kali datang menyambung kontrak dengan negara industri ini.
 - 3) Kebanyakan migran yang datang adalah dari golongan yang tiada kemahiran, lemah dalam menguasai bahasa tempatan, berpelajaran rendah dan ada yang datang dari kawasan pendalaman dan tidak biasa dengan keadaan industri tempat mereka berhijrah dan bekerja.
-
- 1) Maklumbalas proses migrasi kepada negara-negara industri ada kaitannya dengan pembangunan negara secara menyeluruh. Seperti contoh, Malaysia, pekerja asing yang datang adalah dari negara yang

kurang maju dari Malaysia. Kebanyakan penghijrahan pekerja asing adalah dari negara kurang maju kepada negara yang lebih maju dari negara asal mereka. Negara penerima selalunya maju di dalam sektor industri dan pasaran buruh adalah pada tahap guna tenaga penuh.

Kebanyakan orang Mexico berhijrah ke Amerika Syarikat (U.S) dan orang Algeria ke negara Perancis (France Metropolitan). Penghijrah ke Malaysia pula ialah dari Indonesia, Bangladesh, Thailand, Filipina, Pakistan dan beberapa negara yang lain. Negara-negara penghijrah ini kebanyakannya mempunyai bilangan penduduk yang ramai. Dalam penyelidikan Ravenstein, antara hasilnya ialah migrasi berkadar terus dengan pembangunan dan kemajuan, serta penghijrah pekerja asing antarabangsa lebih tertumpu kepada negara-negara industri dan pusat perdagangan.

Bilangan penduduk juga memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Negara yang berpendudukan padat, selalunya dari segi ekonominya negara ini agak mundur dan kurang maju.

2) Peluang pekerjaan yang ada untuk pekerja asing ini kebanyakannya pekerjaan yang dikerjakan merupakan pekerjaan yang ditolak oleh pekerja tempatan. Secara dasarnya, pekerjaan ini menawarkan upah yang rendah, keadaan tempat kerja yang tidak selesa, tahap keselamatan yang kurang dan status sosial pekerjaan yang rendah. Kerja-kerja ini boleh dikategorikan sebagai kerjaya yang tidak boleh dimajukan atau dipertingkatkan dan juga dianggap sebagai kerja berat dan banyak menggunakan tenaga fizikal.

Contohnya di Malaysia, dalam sektor perladangan, kebanyakan anak-anak muda tidak tertarik atau tidak mahu bekerja di ladang-ladang kerana upah yang rendah dan keadaan tempat kerja yang tidak selesa⁴. Majikan mengambil pekerja-pekerja asing untuk bekerja di ladang kerana pertamanya, pekerja tempatan kebanyakannya lebih tertarik untuk mencari pekerjaan lain terutamanya ke sektor perkilangan dan mereka menganggap bekerja di ladang adalah satu pekerjaan yang berat dan bertaraf rendah.

Keduanya, upah serta faedah yang pekerja-pekerja terima adalah tidak mencukupi disebabkan keadaan dan struktur ladang. Oleh itu, pihak

majikan tiada alternatif lain selain daripada terpaksa mengambil pekerja asing untuk bekerja kerana mereka ini lebih reseptif dengan keadaan kerja dan senang menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran seperti yang diterangkan oleh Piore.

3) Bagi majoriti pekerja asing ini, tujuan utama mereka datang adalah hanya untuk bekerja bagi mengumpul wang untuk dibawa balik. Tapi lama-kelamaan, ada di antara perspektif asas mereka berubah. Seperti kajian yang dibuat oleh Gurushri Swamy, (1981), semakin lama seseorang penghijrah itu tinggal di tempat mereka bekerja, ada kemungkinan besar bagi sebilangan dari mereka akan terus menetap di negara mereka bekerja. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada undang-undang sesebuah negara, misalnya di Malaysia mereka dibenarkan menyambung kontrak sehingga bagi tempoh maksimum 5 tahun dan beberapa syarat yang tertentu perlu dipenuhi.

⁴ seperti kata Datuk Khalid , Pengarah Guthrie Berhad, dalam rancangan Face to Face, TV3 pada 5/3/97.

Di antara sebab lain yang membuatkan mereka berubah ialah, ramai kenalan mereka telah lama menetap secara tanpa izin dan mereka telah dapat menyesuaikan diri dengan keadaan serta budaya di tempat mereka bekerja, serta kesediaan majikan menerima mereka kembali.

4) Di antara kriteria utama pekerja asing ini ialah mereka terdiri daripada golongan yang tidak mahir, berpelajaran rendah, dari keluarga yang miskin dan susah, dan kurang dapat menguasai bahasa tempatan. Namun begitu, pekerjaan-pekerjaan yang bakal mereka penuhi kelak merupakan kerja-kerja yang tidak memerlukan kemahiran dan pelajaran yang tinggi. Kebanyakan pekerjaan mereka memerlukan tenaga fizikal.

Oleh itu, satu persoalan mengenai hubungan pendatang berkemahiran rendah dengan negara membangun dan perindustrian telah ditimbulkan oleh Piore. Bagaimanakah negara maju dan berteknologi, masih memerlukan pekerja-pekerja yang tiada kemahiran ini?

Bila membincangkan corak migrasi buruh biasanya kita menumpukan kajian dari aspek migrasi buruh dari negara kurang maju ke negara perindustrian. Dari perspektif sejarah pula, migrasi buruh telah

lama berlaku di Amerika Syarikat dan Eropah, iaitu sejak kurun ke 19 dan awal kurun ke 20 lagi. Fenomena penghijrahan buruh ini tidak mungkin akan sampai ke penghujungnya. Sementara di Malaysia, kebanyakan pekerja asing di Malaysia adalah pekerja tidak mahir dan matlamat Malaysia adalah untuk mencapai sebagai sebuah negara industri menjelang tahun 2020. Maka dengan sebab itu, kehadiran pekerja tidak mahir ini akan menggugat pencapaian matlamat negara, kerana mereka ini akan menggambarkan negara kita masih di tahap kemahiran dan teknologi yang rendah. Namun begitu, penghijrahan buruh ini masih belum dapat dibentras sepenuhnya, cuma dapat dikawal.

2.3 Kenapa proses migrasi terjadi?

Migrasi terjadi kerana pendatang asing percaya yang mereka akan dapat memenuhi kehendak dan keinginan mereka di tempat mereka berhijrah nanti. Secara sejarahnya, bilangan migrasi bertambah apabila pembangunan teknologi berlaku. Ravenstein pun mengakui akan fakta ini. Begitu juga dengan Zelinsky (1971), beliau berpendapat, pembangunan

ekonomi sangat penting untuk merangsangkan migrasi dan beliau membuktikan kenyataan ini dengan hasil penyelidikannya ke atas migrasi dan mobiliti dalam perubahan masa. Bagi Briggs (1996) pula, di antara faktor tolakan yang paling penting sekali dalam proses migrasi ialah pertama, kependudukan yang padat di bahagian dunia yang negaranya kurang membangun secara ekonomi. Kedua, penduduk dunia membanjiri bandar kerana di sini peluang ekonomi boleh diperolehi. Ketiga, isu orang pelarian yang mana berkait rapat dengan ketidakstabilan dalam politik negara yang selalunya berpunca dari kadar pertumbuhan penduduk. Akhir sekali, tekanan migrasi yang di sebabkan oleh ketidakseimbangan ekonomi di antara negara maju dan negara mundur.

Faktor-faktor yang menyumbang kepada proses migrasi pekerja asing.

a) Permintaan terhadap tenaga buruh.

Pekerja asing hanya tertumpu kepada beberapa sektor yang mana secara amnya, tumpuan mereka tidak menyeluruh. Tumpuan pekerja asing seperti dalam kajian Piore ialah di dalam sektor perkilangan dan sektor pembinaan. Kajiannya menunjukkan corak sampel yang mana pekerja

asing tertumpu di kategori pekerjaan yang banyak menggunakan kerja-manual, iaitu 70 peratus di Perancis, 88 peratus di Jerman, dan 73 peratus di Amerika Syarikat. Oleh itu, disebabkan oleh jenis pekerjaan tersebut, Piore, berpendapat bahawa permintaan terhadap tenaga buruh amat diperlukan di negara-negara yang aktif dalam sektor-sektor tersebut.

b) Pengambilan pekerja secara aktif oleh pihak majikan.

Penghijrahan secara besar-besaran dari negara tidak maju ke negara maju dipertingkatkan lagi dengan pengambilan pekerja secara aktif oleh majikan negara maju yang ingin memenuhi ruang pekerjaan tertentu. Aktifnya agen pengambil buruh asing adalah ekoran dari keperluan negara maju itu sendiri. Dari variasi keperluan untuk pekerja dan bekerja seperti dalam proses migrasi, ia diserap secara otomatik oleh pekerja asing sementara yang sememangnya mencari pekerjaan dan mereka akan pulang sekiranya tiada pekerjaan. Jadi, seseorang pekerja itu tidak mungkin akan dapat bertahan lama untuk menunggu pekerjaan sekiranya memang tiada peluang pekerjaan. Maka, Piore (1979), mengandaikan bahawa proses migrasi ini terjadi di sebabkan oleh majikan yang menjadi agen yang aktif.

c) Penawaran buruh yang banyak dari negara-negara kurang maju.

Secara praktiknya penawaran buruh dari negara kurang maju untuk kawasan industri negara-negara maju ini sentiasa ada. Keterangan mengenai fenomena ini mungkin ada yang berpendapat bahawa, disebabkan oleh perbezaan pendapatan yang besar dan ketara di antara negara maju dan kurang maju. Walau bagaimanapun, penawaran buruh yang tidak putus-putus ini dapat didemonstrasikan oleh Piore (1979), apabila arus migrasi lama telah dihentikan, arus migrasi baru pasti akan timbul⁵. Oleh itu, apa yang dapat dipastikan ialah fakta di mana, majikan dapat mencari pekerja dengan cepat dan senang apabila diperlukan, dan juga pekerja mudah memberi maklumbalas apabila berlakunya pengambilan pekerja yang aktif.

⁵ Piore, M.J, " Birds of passage: Migrant labor and industrial societies", 1979, Cambridge University Press, London.

2.4 Teori migrasi dan kajian terdahulu.

Kajian-kajian terdahulu mengenai teori migrasi yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji, dan kos serta faedah dari migrasi dapat dilihat di bawah. Ini juga dituruti dengan teori dan hipotesis kiriman wang.

Kajian empirikal yang pertama mengenai migrasi telah dibuat oleh E.G. Raveinstein dalam tahun 1885 dan kertaskerja yang keduanya pada tahun 1889 yang bertajuk “The Laws of Migration”. Data yang diproses dalam kajian ini adalah terdiri lebih daripada 20 buah negara. Kertaskerja beliau telah banyak menjadi rujukan bagi pengkaji-pengkaji mengenai migrasi. Kajian beliau boleh disimpulkan seperti berikut:

- 1) Kebanyakan pendatang asing hanya berhijrah dalam lingkungan jarak yang dekat.
- 2) Pendatang asing yang berhijrah ke tempat atau kawasan yang jauh, biasanya akan bertumpu di kawasan industri dan perdagangan yang besar.
- 3) Migrasi terjadi mengikut peringkat demi peringkat dan pendatang yang dahulu akan pulang dan diganti oleh pendatang baru.

- 4) Setiap arus migrasi menghasilkan arus migrasi timbal-balik.
- 5) Penduduk di pendalaman lebih berpotensi untuk berhijrah daripada penduduk bandar.
- 6) Golongan wanita lebih mudah berhijrah daripada golongan lelaki.
Beliau kemudian mengubah kesimpulan ini kepada wanita lebih suka berhijrah di kawasan yang berhampiran. Kesimpulan yang kedua ini ialah dari kertas beliau yang kedua, 1889.
- 7) Migrasi akan meningkat mengikut perkembangan masa, dan selari dengan pembangunan ekonomi dan sosial secara keseluruhan.
- 8) Walaupun banyak faktor-faktor yang berbeza yang menyebabkan penghijrahan, pertimbangan mengenai ekonomi adalah yang paling penting.

Sejak Raveinstein, banyak penambahan dan generalisasi telah dibuat dan perhatian tertumpu kepada sebab dan implikasi dari migrasi.

A508372416

2.4.1 Hipotesis tolakan dan tarikan.

Berlakunya migrasi selalunya dikaitkan dengan dua jenis daya iaitu daya tolakan dan tarikan⁶. Proses migrasi mempunyai faktor positif dan faktor negatif di negara asal dan negara yang dituju. Faktor negatif di negara asal dan faktor positif di negara hendak dituju adalah atas kewujudan daya tolakan dan tarikan. Daya tolakan dan tarikan ini tidak semestinya dari segi ekonomi sahaja, tetapi fakta sosial dan politik juga memainkan peranan dalam perpindahan individu.

Faktor-faktor tolakan adalah suatu daya atau tekanan yang menolak supaya individu meninggalkan tempat asal. Dari segi ekonomi, sekiranya peluang-peluang ekonomi di tempat asal tidak wujud, maka keadaan ini akan membuatkan individu lari mencari destinasi lain di mana peluangnya mungkin lebih baik.

Sebaliknya, tekanan untuk berpindah adalah mungkin diperkuatkan lagi oleh faktor-faktor tarikan seperti upah yang lebih tinggi atau peluang ekonomi yang lebih banyak.

⁶ Everett S. Lee, "A Theory of Migration", Demography, Vol. 3, No. 1, 1966, pg. 47-57, reprinted in David M. Heer (ed.), Readings on Population, New Jersey: Prentice Hall, 1968, pg. 182-193.

Walau bagaimanapun faktor tolakan-tarikan ini menghasilkan maklumbalas yang berbeza-beza bagi setiap individu. Oleh itu, adalah perlu untuk mengenal pasti faktor-faktor tolakan-tarikan yang menyebabkan penghijrahan.

2.4.2 Pendekatan Pelaburan manusia.

Dalam pelaburan manusia, kemahiran dan pengetahuan individu adalah modal atau aset untuk dilaburkan⁷. Pertumbuhan ekonomi dari pelaburan modal manusia akan dihasilkan atau dilihat di dalam jangka masa yang lama. Ini adalah benar bagi pelaburan di dalam pendidikan, latihan, dan migrasi bagi golongan muda⁸. Kajian daripada Sjaastad melihat migrasi sebagai pelaburan yang mana seseorang itu boleh menjangka untuk menerima pulangan yang setimpal dengan kos penghijrahan yang dialami⁹.

⁷ Theodore W. Schultz, "Investment In Human Capital", The American Economics Review, Vol. II, March 1961, No. 1, pg. 1-17.

⁸ Ibid.

⁹ Larry A. Sjaastad, "The costs and returns of human migration", Journal of Political Economy, Vol. 70, #5, part 2, Oct. 1962: 80-93.

Di dalam kajian ini, Sjaastad menggunakan model kos dan faedah yang paling mudah iaitu, seseorang itu akan berhijrah, apabila nilai semasa keuntungan kewangan masa hadapan untuk berhijrah adalah lebih besar daripada kos perpindahan yang dihadapi sekarang. Adalah di andaikan, perbezaan pendapatan di antara negara asal dan negara tujuan adalah satu-satunya keuntungan yang didapati, dan kos perjalanan imigran, serta keluarga dan juga harta benda ialah satu-satunya kos yang ditanggung.

Model kos dan faedah ini boleh dituliskan seperti berikut:

$$\sum_{i=1}^N \{(Y_{ti} - Y_{ai}) / (1+r)^i\} - K > 0$$

di mana Y_{ti} ialah pendapatan yang ke i tahun di negara dituju;

Y_{ai} ialah pendapatan yang ke i tahun di negara asal;

K ialah kos berhijrah;

N ialah jumlah bilangan tahun pulangan masa hadapan dijangkakan;

r ialah kadar bunga untuk mendiskaun pendapatan masa hadapan.

Implikasi dari rangkakerja migrasi di atas ialah kehadiran perbezaan pendapatan di antara dua tempat ini adalah perlu tetapi tidak mencukupi untuk menambahkan bilangan pekerja asing. Perbezaan pendapatan ini mesti cukup tinggi bagi mengatasi kos perpindahan yang ditanggung pekerja asing. Perbezaan pendapatan yang kecil juga boleh menarik migrasi, tetapi kos perpindahan mestilah rendah dan kadar pulangan mestilah positif. Oleh itu, konsep pelaburan di dalam migrasi manusia adalah penting dalam kajian ini bagi mendalami migrasi, malah lebih penting dari proses migrasi itu sendiri.

Satu lagi kajian yang menggunakan model kos-faedah ialah Speare, beliau mengkaji kaitan antara migrasi dengan umur, jarak dan beberapa faktor lain¹⁰. Model yang dihasilkan adalah berdasarkan dari model Sjaastad tetapi sedikit perubahan telah dibuat bagi menyesuaikan dengan kehendak kajian yang berasaskan dari keputusan yang akan dibuat oleh pendatang asing yang berpotensi.

¹⁰ Speare, Alden Jr., "A cost-benefit model of rural to urban migration in Taiwan", Population Studies, vol. 25, no. 1, March, 1971, p.117-130.

Model persamaan yang dihasilkan oleh Speare masih lagi boleh dilihat sebagai model kos-faedah. Semua faktor-faktor yang digunakan adalah faktor berkaitan samada dari segi kos mahupun dari segi faedah. Antara faktor-faktor yang ditambah adalah beberapa faktor bukan wang yang mana di anggap akan di ambil kira semasa pendatang asing membuat keputusan untuk berhijrah, iaitu mempunyai rumah sendiri, berpuashati dengan pekerjaan sekarang, peluang rekreasi dan penempatan rakan-rakan dan saudara.

Model tersebut ialah:

$$IPCh(Y_t - Y_a) - K + h \sum V_i > 0$$

IPC : pengganda bagi perbezaan upah, yang mana, I ialah informasi mengenai pekerjaan yang diterima adalah sempurna, P ialah kebarangkalian mendapat pekerjaan di negara yang di tuju dan C ialah nisbah kos kehidupan di antara negara asal dengan negara yang di tuju.

$h(Y_t - Y_a) - K > 0$: persamaan ini tidak menghiraukan tentang kadar bunga

dan bilangan tahun, di mana :-

$$h = \sum_{i=1}^N \{ 1 / (1 + r)^i \} \text{ dengan}$$

menganggapkan h sebagai konstan yang akan dikeluarkan secara empirikal.

V_i : perbezaan dalam nilai wang tahunan bagi yang ke i faktor bukan wang antara negara di tuju dengan negara asal.

Beberapa andaian telah direhatkan dalam model ini. Pertamanya, pendatang asing berpotensi adalah dianggap peka dengan perbezaan upah. Keduanya, adalah di andaikan pendatang asing ini akan diambil bekerja apabila mereka tiba di destinasi dan mereka pasti akan perkara ini. Ketiga, nilai pendapatan adalah sama di kedua-dua tempat samada di negara asal mahu pun di negara dituju iaitu tiada perbezaan dari segi kos kehidupan.

Kajian ini mendapati bahawa dari data-data pendatang asing ini, ia menunjukkan pengetahuan manusia mengenai konsep kos dan faedah hanya samar-samar kerana segelintir kecil sahaja yang memberi jawapan

yang tepat mengenai berapa pendapatan mereka di destinasi nanti iaitu samada tidak berubah, dijangka akan naik atau turun disebabkan oleh perpindahan ini. Tambahan dari itu, hanya anggaran dapat diberi oleh mereka mengenai tanggungan kos perpindahan. Walau bagaimanapun, kajian ini membuat kesimpulan bahawa seseorang itu akan berhijrah sekiranya faedah dari jumlah yang dapat dikategorikan dalam bentuk wang dan bukan wang ini melebihi kos untuk migrasi.

Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Blitz dengan menggunakan analisis kos dan faedah telah mendapati bahawa pelaburan dalam modal manusia iaitu pekerja asing, telah menguntungkan Republik Jerman kerana kos pendidikan dan pembesaran anak telah ditanggung oleh negara asal¹¹. Maka mengimpor pekerja asing adalah lebih murah dari kos untuk menghasilkan modal manusia di tempat sendiri¹².

Blitz ada menyentuh mengenai kos dari kiriman wang pulang oleh pekerja asing, tetapi beliau telah mengkategorikan kos ini di dalam

¹¹ Blitz, Rudolph.C., "A benefit-cost analysis of foreign workers in West-Germany, 1957-1973", *Kyklos*, vol. 30, 1977 , 3, pg. 479-502.

¹² Reder, Melvin W., "The economic consequences of increased immigration", The Review of Economics and Statistics, 1963, August, pg. 224.

bayaran kepada pelabur asing bagi Republik Jerman sebagai hadiah atau bayaran pindahan sehala.

Kajian Blitz telah mendapati bahawa kadar wang kiriman yang dihantar pulang adalah sebanyak 25 peratus dari pendapatan boleh guna pekerja asing. Seperti yang diduga, pekerja asing yang telah berkahwin, menghantar wang kiriman yang tertinggi sekali iaitu sebanyak 45 peratus dari pendapatan boleh guna mereka. Tambahan lagi, wang kiriman ini kesemuanya ataupun sebahagiannya adalah termasuk di dalam kos mengimpot pekerja asing atau modal manusia, yang mana kos ini akan ditanggung oleh Republik Jerman sekiranya mereka mendapatkannya di negara sendiri.

Antara teori mengenai wang kiriman pulang oleh pekerja asing, ada disentuh oleh Lucas dan Stark dalam kajian mereka mengenai hipotesis motivasi mengirim wang pulang yang terdiri daripada faktor ketulusan hati hinggalah kepada faktor kepentingan diri. Rangkakerja ini berdasarkan kajian di Botswana¹³.

¹³ Lucas, Robert E. B. and Stark, Oded, "Motivation to remit: Evidence from Botswana", Journal of Political economy, 1985, vol. 93, no. 5.

Kajian ini memberi tiga sebab kenapa pekerja asing mengirim wang pulang. Pertama, potensi untuk mewarisi. Semakin banyak kiriman wang semakin besar bilangan pewaris yang tinggal. Ini adalah sebahagian daripada tabiat manusia untuk meninggalkan harta pada waris yang terdekat. Kedua, sebagai pelaburan dalam bentuk aset di negara asal dan memastikan penjagaannya dilakukan oleh keluarga yang tinggal. Ketiga, bercadang untuk pulang ke kampung halaman, maka pelaburan di dalam modal tetap, seperti rumah, tanah, binatang ternakan dan mendapatkan pengaruh sosial adalah penting supaya senang nanti diterima oleh masyarakat setempat.

Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa kiriman wang adalah berkadar menaik dengan taraf pengajian. Anak-anak muda yang merantau akan menghantar pulang wang kepada keluarga dengan lebih banyak bergantung kepada taraf pengajian mereka. Ini menyokong hipotesis pengkaji, iaitu kiriman wang pulang adalah sebagai bayaran semula. Walau bagaimanapun, teori mengenai ketulusan hati sahaja tidak mencukupi untuk menggalakkan pengiriman, ini disokong dari kes Botswana sendiri.

Dari kajian yang dijalankan oleh Swamy¹⁴, beliau mendapati bahawa bagi negara yang sedang membangun, penghantaran pulang wang kiriman dari warga mereka adalah satu sumber yang penting, malah kadar peningkatan kiriman wang ini adalah tinggi. Selain daripada itu, taraf aktiviti ekonomi sesebuah negara pengimpot pekerja asing adalah penting dalam melihat kadar kiriman wang. Tambahan lagi, pelaburan yang dibuat oleh pengirim ini banyak dilaburkan di dalam pembelian estet tanah di bandar, tanah pertanian dan perumahan. Kajian ini juga membuktikan bahawa kiriman wang pulang per kapita pekerja asing akan berkurangan apabila mereka tinggal lama di negara destinasi dan juga bilangan keluarga mereka bertambah di negara destinasi dan berkurangan bilangannya di negara asal.

¹⁴ Swamy, Gurushri, " International Migrant Workers' Remittances: Issues and Prospects", World Bank Staff Working Paper, no. 481, August 1981.